

## Teknologi kenderaan elektrik antara fokus MOSTI pada 2022

Januari 25, 2022 @ 12:57pm



Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr Adham Baba (tengah) menerima buku penghargaan daripada Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Zainal Abidin Abu Hassan (kiri) selepas menyampaikan ucapan amanat pada Majlis Amanat 2022 MOSTI di Taman Teknologi Malaysia (TPM), Bukit Jalil hari ini.

KUALA LUMPUR: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) akan memfokuskan kepada tiga bidang utama iaitu kenderaan elektrik (EV), sekuriti kesihatan negara dan inovasi sosial pada tahun ini, selari dengan tema 'Merakytakan Sains, Menginsankan Teknologi'.

Menteri, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata fokus EV yang mesra alam sekitar serta memberi impak sampingan positif itu adalah bertujuan meletakkan Malaysia sebagai pengeluar teknologi EV terutamanya kenderaan elektrik dua roda yang dibangunkan pengusaha tempatan.

"Antara langkah yang diambil adalah pembangunan dan pengkomersialan ekosistem teknologi EV tempatan bersama syarikat pemula dan industri kecil sederhana (IKS), menerusi program 'Enabling Mobility Electrification for Green Technology' (Emerge) yang diterajui NanoMalaysia Bhd," katanya pada Majlis Amanat 2022 MOSTI bersama Dr Adham di sini, hari ini.

Di samping itu, Program Inisiatif Teknologi Penyimpanan Tenaga NanoMalaysia (NESTI) iaitu platform perintis peringkat kebangsaan turut diperkenalkan bagi membangun dan mengkomersialkan sistem penyimpanan tenaga untuk mobiliti elektrik, kegunaan di dalam sektor domestik dan industri serta penyelesaian mudah alih.

Mengenai sekuriti kesihatan negara, beliau berkata bagi tahun 2022, Institut Genom dan Vaksin Malaysia (MGVI) akan memainkan peranan yang lebih besar dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) vaksin serta turut membabitkan kerjasama dengan rakan strategik tempatan dan antarabangsa.

Katanya, MGVI turut menerajui pengesanan pemantauan genom, pemindahan teknologi serta perkongsian data yang semakin kritikal dalam membantu pelaksanaan usaha pengawalan wabak penyakit seperti COVID-19.

– BERNAMA